

MAHATHIR - PAS

1984

KUALA LUMPUR, 15 SEPT. (BERNAMA) --- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENGELUARKAN GARIS PANDUAN KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO MENGENAI STRATEGI YANG PERLU DIJALANKAN UNTUK MENHADAPI GERAK-GEMPUR PAS TERHADAP UMNO.

GARIS PANDUAN ITU DI BINCANGKAN SECARA MENDALAM DALAM MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI PARTI SELAMA EMPAT JAM YANG DIPENGERUSIKANNYA DI IBUPEJABAT UMNO DISINI.

BAGAIMANAPUN, BELIAU ENGGAN MENGUMUMKAN GARIS PANDUAN ITU SEMASA DITANYA OLEH PARA PEMBERITA SELEPAS MESYUARAT ITU.

BELIAU JUGA DIFAHAMKAN MEMBERI TAKLIMAT TENTANG GARIS PANDUAN ITU KEPADA LEBIH 1,500 ORANG ANGGOTA UMNO DARI SEMUA 114 BAHAGIAN DI AUDITORIUM RISDA DI SINI PETANG INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KEADAAN POLITIK SEKARANG SUDAH SAMPAI KE TAHAP DI MANA UMNO TIDAK BOLEH MEMBENARKAN PAS MENGGUNAKAN PENGARUHNYA UNTUK MELEMAHKAN IMAN ORANG-ORANG ISLAM.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, TINDAKAN MEREKA ITU SUDAH MENYIMPANG JAUH DARIPADA ISLAM KERANA MEREKA MEMBUAT DAKWAAN CUMA ORANG-ORANG ISLAM YANG MENYERTAIPASSAHAJAYANG ISLAM.

+ JIKALAU BEGITU, NABI MUHAMMAD, IMAM SHAFIE, IMAM GHAZALI, SEMUANYA BUKAN ISLAM KERANA TIDAK MENYERTAIPAS. JIKA BEGITU PAS MUNGKIN MENGGANGAP MEREKA ITU BUKAN ISLAMLAH ; + ULANGNYA. ---BERNAMA